

01/08/2000

Seri Paduka sempurnakan upacara letak kalungan bunga

KUALA LUMPUR, Isnin - Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah berkenan berangkat menyempurnakan istiadat meletak kalungan bunga di Tugu Peringatan Negara sempena Hari Pahlawan 2000 peringkat kebangsaan hari ini.

Upacara dimulakan dengan tiupan bugle 'Last Post' dan penurunan bendera Jalur Gemilang.

Ini diikuti bacaan sajak 'Pahlawan' ciptaan Mejar (B) Mohamed Awang yang disampaikan oleh Juriah Jusoh, diiringi lagu 'PahlawanKu'.

Seri Paduka berkenan memulakan peletakan kalungan bunga di hadapan tugu dan diikuti Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Antara mereka yang meletakkan kalungan bunga ialah Panglima Angkatan Tentera Jeneral Tan Sri Mohamed Zahidi Zainuddin, Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai, Panglima Tentera Darat Jeneral Datuk Seri Mohamed Hashim Hussein, Panglima Tentera Laut Laksamana Datuk Seri Abu Bakar Abdul Jamal dan Panglima Tentera Udara Jeneral Datuk Seri Ahmad Saruji Che Rose.

Presiden Persatuan Bekas Tentera Malaysia, Datuk Mohamad Abdul Ghani dan Presiden Persatuan Bekas-bekas Polis, Mansor Mohd Jaafar turut diberi penghormatan untuk meletakkan kalungan bunga di Tugu Negara.

Hari Pahlawan yang disambut 31 Julai setiap tahun diadakan bagi mengenang dan menghargai jasa pahlawan negara yang terkorban dan tercedera ketika mempertahankan kedaulatan agama, bangsa dan negara.

(END)